

08/11/1999

Mahathir akan hadir di sidang CHOGM di Afrika Selatan

KUALA LUMPUR, Ahad - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Durban, Afrika Selatan dari 12 hingga 15 November ini.

Dr Mahathir akan diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, dan Wakil Khas Perdana Menteri ke Kumpulan Bertindak Menteri Komanwel mengenai Deklarasi Harare (CMAG), Tan Sri Musa Hitam.

Turut serta pegawai kanan Kementerian Luar, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Kewangan, menurut kenyataan Wisma Putra hari ini.

CHOGM diadakan setiap dua tahun dan mesyuarat terakhir pada 1997 di Edinburgh, Britain.

Tema khas CHOGM tahun ini ialah "People Centred Development: The Challenge of Globalisation".

CHOGM akan dirasmikan oleh Queen Elizabeth II pada 12 November di Pusat Konvensyen Antarabangsa di Durban.

Dr Mahathir diberi penghormatan untuk berucap selepas Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki, menyampaikan ucapan alu-aluan.

(END)